

28/12/2003

Peristiwa 2003

Azran Jaffar; Ziauddin Sharuddin

PELETAKAN jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan diganti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima menjadi peristiwa paling penting dalam sejarah Malaysia sepanjang 2003.

Selepas menyatakan hasrat bersara pada hari terakhir Persidangan Agung Umno tahun lalu, Tun Dr Mahathir mengotakan kata-katanya apabila melepaskan jawatan berkenaan pada 31 Oktober lalu.

Persaraan Dr Mahathir digantikan Abdullah, anak kelahiran Pulau Pinang menyaksikan peralihan kuasa itu berlangsung dengan lancar, penuh istiadat di hadapan Yang di-Pertuan Agong, seperti juga tiga peralihan kuasa yang berlaku sebelum ini.

Pada tarikh keramat itu juga Dr Mahathir dan isteri, Dr Siti Hasmah Mohd Ali dianugerahkan gelaran Tun oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai menghargai sumbangannya kepada negara.

Tahun 2003 turut menyaksikan banyak peristiwa besar termasuk Malaysia menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa apabila menjadi tuan rumah bagi dua persidangan penting peringkat dunia.

Pada Februari, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan pada Oktober pula, mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dilangsungkan di Putrajaya dalam dewan baru yang serba canggih.

Selain menarik perhatian kerana isu yang dibincangkan, ia juga menjadi tumpuan apabila beberapa pemimpin bukan anggota, termasuk Presiden Russia, Vladimir Putin diberikan peluang berucap.

Persidangan NAM menjadi lebih penting apabila ia berlangsung dalam suasana dunia melihat ancaman tentera bersekutu yang diketuai Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq.

OIC juga membuka mata masyarakat dunia apabila Dr Mahathir sewaktu ucapan pembukaannya membangkitkan soal Yahudi yang menimbulkan kemarahan pemimpin dunia pro-Yahudi di seluruh dunia.

Jika kedua-dua persidangan itu membuka mata masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia, ancaman wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan dikatakan bermula di China, turut memberikan impak antarabangsa kepada Malaysia, yang mana kesannya menjejaskan industri pelancongan negara.

Tahun 2003 turut mengheret Malaysia sekali lagi ke Mahkamah Dunia. Selepas memenangi hak ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan tahun lalu, Malaysia meneruskan tuntutan bertindih Pulau Batu Putih yang mana pada penghujung Julai, Malaysia dan Singapura memulakan proses kehakiman untuk menyelesaikan kes ini melalui ejen kedua-dua negara di Mahkamah Dunia. Isu air turut mencuri perhatian apabila Malaysia mengambil pendekatan menyiarkan iklan berkaitan isu air di akhbar antarabangsa dan tempatan.

Tahun ini juga menyaksikan kerajaan merintis usaha meningkatkan bidang aeroangkasa dengan mengumumkan penghantaran angkasawan pertama pada 2005. Calon yang dipilih akan mengikuti misi dan penyelidikan bersama angkasawan Russia dan program itu yang bersifat timbal balik adalah ekoran pembelian 18 jet pejuang Sukhoi (SU-30) MKN daripada Russia yang bernilai AS\$900 juta (RM3.42 bilion).

Selain isu yang meletakkan Malaysia dalam kejayaan, 2003 juga menyaksikan beberapa kejadian yang seharusnya dijadikan iktibar.

Antara yang signifikan ialah kejayaan polis melumpuhkan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) yang diketuai oleh Nor Azami Mohd Ghazali yang menggelarkan dirinya sebagai Datuk selepas serbuan yang dijalankan di pejabat PKPM di Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Pasukan itu turut melakukan kegiatan penipuan yang menawarkan pangkat ala tentera kepada mereka yang berminat dengan harga antara RM8,000 hingga RM25,000.

Duka kemalangan ngeri turut mengisi kalendar 2003. Kemalangan di Jalan Merapoh-Kuala Lipis yang meragut 15 nyawa di saat masyarakat Islam masih dalam suasana Syawal meruntun hati banyak pihak betapa pemanduan berhema amat perlu.

Menyentuh mengenai soal keselamatan, banyak pihak turut mempersoalkan tahap keselamatan pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan di dalam bangunan berikutan kejadian culik yang membabitkan penganalisis sistem komputer, Canny Ong Lay Kian, 28.

Canny Ong yang diculik di tempat letak kereta Kompleks Beli-Belah Bangsar, kemudiannya dirogol dan dibunuh. Beliau dilaporkan hilang selepas diculik ketika mengeluarkan keretanya di tempat meletak kenderaan di kompleks beli-belah berkenaan.

Seluruh negara tersentak sekali lagi pada 5 Disember lalu, apabila eksekutif pemasaran, Noritta Samsuddin, 22, ditemui mati di dalam bilik tidur rumah sewanya di Kondominium Puncak Prima Galleria, Sri Hartamas oleh dua teman serumahnya kira-kira jam 4 pagi.

Noritta yang berasal dari Taman Permata, Pokok Sena, Kedah, ditemui mati dalam keadaan berbogel di atas katil dipercayai dirogol sebelum dibunuh pada jam 4 pagi. Tangan dan kakinya diikat, leher dijerut dan mulut disumbat dengan kain.

Selepas menahan beberapa orang yang boleh dikaitkan dengan kejadian itu bagi membantu siasatan, seorang jurutera Majlis Bandaraya Shah Alam dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas tuduhan membunuh Noritta dan dengan pendakwaan itu polis menganggap siasatan kes itu selesai.

Dengan banyaknya kejadian yang berlaku sepanjang tahun ini, satu yang mungkin menjadi pengajaran kepada semua pihak ialah runtuh batu yang berlaku di Kilometer 21.8 Lebuhraya Baru Lembah Klang.

Runtuh sebahagian bukit di lebuhraya berkenaan yang dianggarkan seberat 20,000 tan itu berlaku pada jam 7.16 pagi. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan kerana tiada kenderaan yang menggunakan laluan itu sewaktu kejadian.

Apa yang pasti, sebagaimana kejadian lain yang membuka mata banyak pihak, ia mengingatkan pengguna lebuhraya runtuh yang hampir sama berlaku di Gua Tempurung, Perak.

Namun, sejauh mana kejadian ini mampu mencelikkan mereka yang berkaitan masih sukar untuk diberikan jawapan dan apa yang pasti semua pihak harus menyedari bahawa kejuruteraan jalan raya dan pengurusan cerun adalah antara dua perkara yang perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Daripada peralihan kuasa sehinggalah runtuh batu, 2003 seperti mana tahun-tahun sebelumnya diisi dengan pelbagai kejadian suka dan duka. Apa yang penting ialah bagaimana masyarakat mengambil teladan dan sempadan daripada apa yang berlaku supaya kesilapan sama tidak berulang.